

SYARAT KEMASUKAN

- Wanita, berumur 18 tahun ke atas, dan tanggungan mereka, yang mengalami, diancam oleh, dan/atau terjejas oleh keganasan dan/atau penderaan.
- Tanggungan mungkin termasuk kanak-kanak dan/atau ahli keluarga yang berada dalam jagaan wanita yang mencari perkhidmatan perlindungan.
- Tanggungan termasuk kanak-kanak wanita bawah 18 tahun dan kanak-kanak lelaki bawah 12 tahun sahaja.
- Setiap klien sama ada dirujuk, walk in atau klien transit perlu menghubungi pihak Rumah Pesona Johor sebelum permohonan kemasukan.

KEMUDAHAN DISEDIAKAN

- Bilik Asrama
- Bilik Keluarga
- Bilik Rawatan
- Bilik Isolasi
- Bilik Staff
- Bilik Kaunseling
- Ruang Aktiviti
- Perpustakaan Mini
- Bilik Air & Bilik Mandi
- Surau
- Dewan Terbuka
- Pantri
- Ruang Basuhan
- Pondok Pengawal
- Ruang Rehat
- Taman Herba

MAKLUMAT OPERASI

WAKTU OPERASI : 24 JAM

MAKLUMAT LANJUT BERKENAAN
PERMOHONAN KEMASUKAN, BOLEH
HUBUNGI RUMAH PESONA JOHOR

014-8707008

E-mel : ypkdt@johor.gov.my
laman Web : ypkdt.gov.my



RUMAH PESONA JOHOR

Rumah Perlindungan Sementara
Wanita Negeri Johor

Yayasan Pembangunan Keluarga
Darul Ta'zim





PENGENALAN

Kerajaan Negeri Johor komited membangunkan kualiti hidup dan kesejahteraan Bangsa Johor. Justeru, bagi meningkatkan tahap kesejahteraan kehidupan rakyat di pelbagai peringkat usia khususnya wanita di Negeri Johor, maka satu mekanisme baru perlu diwujudkan dan dirancang mengikut kepada keperluan dan perkembangan semasa.

Isu keganasan rumah tangga telah dikesan sejak tahun 1960-an lagi. Walau bagaimanapun, kebanyakan insiden jarang dilaporkan kerana isu keganasan rumah tangga dianggap sebagai masalah peribadi dan wajar diselesaikan dalam konteks keluarga itu sendiri.

Melihat kepada statistik kes-kes penderaan, keganasan rumah tangga dan masalah sosial yang melibatkan wanita, Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor 2020-2030, di bawah Teras 8, Pesona Wanita dan Aspirasi Idealis Anak Muda, mencadangkan pembinaan Rumah Pesona Johor (RPJ) yang merupakan sebuah rumah perlindungan sementara wanita di bawah YPKDT dalam jangka masa sederhana dan panjang.

OBJEKTIF

- Memberi perlindungan sementara dan sokongan moral kepada wanita mangsa keganasan rumah tangga;
- Menyediakan perkhidmatan yang komprehensif merangkumi pengurusan kes bagi memenuhi keperluan wanita mangsa keganasan rumah tangga di RPJ;
- Membantu penghuni RPJ menumpukan perhatian ke arah optimum dalam menjalani kehidupan harian dengan selamat;
- Meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam memperkasakan kemandirian wanita.

PERKHIDMATAN

• Rumah Perlindungan

Rumah perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga

• Rumah Transit

Rumah transit kepada wanita luar bandar yang perlu menghadiri prosiding mahkamah bagi kes undang-undang keluarga Islam dan sivil (maksimum 3 hari).

• Pengurusan Kes

Membantu menguruskan kes klien dengan kerjasama agensi dan sukarelawan (semuka / online)

• Sokongan Moral / Kaunseling

Sesi Kaunseling / Terapi Sokongan Emosi / Psikologi



VISI

Pemberdayaan perlindungan wanita secara adil dan saksama.

MISI

Menyediakan sebuah pusat perlindungan wanita dengan persekitaran yang kondusif, selamat dan mesra penghuni.

SASARAN

Rumah Pesona Johor (RPJ) terbuka dan menerima tiga kategori klien iaitu :

- Klien yang dirujuk,
- klien yang walk-in dan,
- klien transit yang telah memenuhi syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan.

PERPUSTAKAAN



PENGINAPAN



SURAU



DEWAN TERBUKA

